

Rujukan Fail: LLM.500-3/1/1 (31)

1) JURU UKUR BAHAN (GRED J52) KONTRAK

1. (a) Jawatan : Juruukur Bahan (Gred J52)
 - (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
 - (c) Kumpulan Perkhidmatan: Pengurusan dan Profesional
 - (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
2. Jadual Gaji (Minimum-Maksimum): RM 5,857.00 – RM 12,446.00
 3. Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak melebihi 55 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
(ii) berdaftar sebagai Juruukur Bahan Siswazah dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia.
- (d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (e) Mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 20 tahun dalam bidang ukur bahan kerja-kerja jalan / lebuhraya ;

(f) Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan profesional yang diiktiraf; dan

(g) Mempunyai tahap penguasaan Bahasa Inggeris yang baik.

4. Taraf Jawatan : **KONTRAK**

5. Fungsi Bidang Tugas :

Antara fungsi bidang tugas jawatan adalah seperti berikut:

- (a) Memberi nasihat berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran kontrak kepada pegawai-pegawai di LLM;
- (b) Menyemak kemunasabahan anggaran kos CAPEX dan OPEX bagi lebuhraya baharu yang dikemukakan oleh Syarikat pencadang kepada Kerajaan;
- (c) Memantau proses perolehan tender/sebutharga untuk memastikan perolehan yang diluluskan dalam peruntukkan belanjawan tahunan dilaksanakan seperti yang dijadualkan;
- (d) Memberi nasihat kos, khususnya kos berkaitan pembinaan, operasi dan penyenggaraan lebuhraya kepada pegawai-pegawai di LLM dan agensi-agens kerajaan berkaitan;
- (e) Membantu Pengarah Ukur Bahan di dalam sesi rundingan kos berkaitan lebuhraya meliputi anggaran kos yang dikemukakan oleh syarikat pencadang kepada Kerajaan di dalam rundingan terus dan sebagainya;
- (f) Menyemak cadangan anggaran kos awalan yang disediakan oleh Juruukur Bahan untuk kontrak yang akan dilaksanakan oleh LLM dan kontrak yang akan diarahkan oleh Kerajaan kepada LLM;
- (g) Menyemak dokumen tawaran tender/sebutharga termasuk senarai bahan, spesifikasi, syarat-syarat kontrak yang digunapakai dan lain-lain dokumen berkaitan untuk tujuan pelawaan tender/sebutharga; dan
- (h) Membantu Pengarah Ukur Bahan dalam membimbing Juruukur Bahan di dalam memantapkan kepakaran dalam bidang Ukur Bahan dan Kontrak.

2) JURUTERA AWAM (GRED J41) KONTRAK

1. (a) Jawatan : Jurutera Awam (Gred J41)
- (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
2. Jadual Gaji : RM 2,529.00 – RM 9,643.00

3. Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
(ii) berdaftar sebagai Jurutera Siswazah dengan Lembaga Jurutera Malaysia

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM2,529.00).

- (d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : **KONTRAK**

5. Fungsi Bidang Tugas :

Bertanggungjawab di dalam pelaksanaan bidang tugas antaranya seperti berikut:

- (a) Membantu menyelaras pelaksanaan kutipan tol secara Multi Lane Free Flow (MLFF), antaranya seperti pengurusan mesyuarat, penyelarasan pemantauan pelaksanaan program dan aktiviti dengan jawatankuasa yang terdiri daripada kementerian, jabatan, agensi serta pihak ketiga;
- (b) Membantu menyemak dan menyediakan surat, memo, laporan, minit mesyuarat / perbincangan dan lain-lain dokumen berkaitan pelaksanaan MLFF dan lebuh raya baru;
- (c) Membantu memantau dan mengurus agar syarikat melaksanakan obligasi-obligasi yang dinyatakan dalam Perjanjian Konsesi dan Appendik Teknikal;
- (d) Membantu merancang program kerja dan memantau kemajuan pelaksanaan MLFF dengan menggunakan perisian seperti Microsoft Project dan perisian atau kaedah lain yang bersesuaian;
- (e) Membantu menyelaras pelaksanaan MLFF antara bahagian di LLM di semua peringkat pelaksanaan projek (perancangan, pembinaan infrastruktur dan operasi);
- (f) Membantu dari aspek kejuruteraan civil sebelum, semasa dan selepas sesi Value Management (VM) untuk projek baru;
- (g) Membantu dalam perundingan dalam penyediaan perjanjian konsesi dan appendik teknikal bagi aspek kejuruteraan sivil untuk lebuh raya bertol baru dan MLFF;
- (h) Membantu melaksanakan analisis berkaitan kos dan aspek teknikal untuk life cycle project lebuh raya baru dan MLFF;
- (i) Membantu memproses, menyemak serta membuat pengesyoran terhadap ringkasan reka bentuk (design brief) dan lukisan reka bentuk terperinci yang dikemukakan oleh syarikat bagi tujuan kelulusan selaras dengan prosedur yang telah ditetapkan; dan
- (j) Membantu memproses, menyemak serta membuat pengesyoran terhadap sebarang lukisan reka bentuk terbina (as-built) bagi tujuan kelulusan selaras dengan prosedur yang telah ditetapkan.

3) JURUTERA ELEKTRIK (GRED J41) KONTRAK

1. (a) Jawatan : Jurutera Elektrik (Gred J41)
- (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
2. Jadual Gaji : RM 2,529.00 – RM 9,643.00

3. Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
(ii) berdaftar sebagai Jurutera Siswazah dengan Lembaga Jurutera Malaysia
(Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM2,529.00).
- (d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : **KONTRAK**

5. Bidang Tugas :

Bertanggungjawab di dalam pelaksanaan bidang tugas antaranya seperti berikut:

- (a) Pengurusan serta pemantauan terma Perjanjian Konsesi oleh syarikat konsesi;
- (b) Perundingan terma-terma Perjanjian Konsesi/ Appendiks Teknikal bagi skop Mekanikal dan Elektrik (M&E) untuk lebuhraya bertol baharu;
- (c) Semakan serta membuat pengesyoran untuk kelulusan bagi ringkasan rekabentuk (*design brief*) dan lukisan rekabentuk terperinci (*detailed design drawing*);
- (d) Memastikan operasi, penyenggaraan serta pengurusan trafik dan keselamatan lebuhraya dilaksanakan oleh syarikat konsesi mengikut dasar, polisi serta piawaian yang ditetapkan;
- (e) Pengurusan dan pentadbiran kontrak bangunan M&E di Ibu Pejabat LLM, semua Pejabat Wilayah dan TMC LLM;
- (f) Pengurusan pemantauan pelaksanaan sistem kutipan tol secara elektronik; dan
- (g) Memastikan operasi dan penyenggaraan Pusat Pengurusan Tol dilaksanakan mengikut dasar, polisi serta piawaian yang ditetapkan.

4) PEGAWAI UNDANG-UNDANG (GRED L41) TETAP/KONTRAK

1. (a) Jawatan : Pegawai Undang-Undang (Gred L41)
- (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan: Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perundangan Dan Kehakiman
2. Jadual Gaji : RM 2,418.00 - RM 9,607.00
3. Syarat Lantikan :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

- c) (i) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred L41: RM2,418.00)

atau

- (ii) Sijil Amalan Guaman.

(Gaji permulaan ialah pada Gred L41: RM2,418.00)

atau

- (iii) *Barriester-at-law-England*

(Gaji permulaan ialah pada Gred L41: RM2,418.00)

atau

- (iv) *Solicitor of the Supreme Court of Judicature of England* atau *Solicitor of the Senior Courts of England and Wales* daripada *Solicitor Regulation Authority*.

(Gaji permulaan ialah pada Gred L41: RM2,418.00)

- (v) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : **TETAP/KONTRAK**

5. Fungsi Bidang Tugas :

Bertanggungjawab menjalankan tugas perundangan seperti memberikan nasihat, menyemak klausa-klausa perjanjian konsesi, deraf perintah pewartaan, Memorandum Persefahaman, Jaminan Bank, dokumen Kontrak dan sebagainya. Selain itu, turut bertanggungjawab untuk mengkaji tuntutan saman oleh/dan terhadap Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sebelum apa-apa arahan diberi kepada Peguam Lantikan untuk tindakan selanjutnya.

5) PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT (GRED N19) TETAP/KONTRAK

1. (a) Jawatan : Pembantu Setiausaha Pejabat (Gred N19)
(b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan
2. Jadual Gaji : RM 1,352.00 – RM 4,003.00
3. Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau

- ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau

- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

- d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : **TETAP/KONTRAK**

5. Fungsi Bidang Tugas :

Bertanggungjawab untuk memastikan urusan harian pegawai Kumpulan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan) berjalan lancar dan memberi perkhidmatan kesetiausahaan seperti menaip, menyediakan surat-menyurat, laporan dan pengurusan fail. Di samping itu, memastikan semua keperluan rasmi pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan) dikendalikan secara cekap dan berkualiti tinggi serta mengawal selia jadual kerja supaya teratur.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara *on-line* melalui laman sesawang Lembaga Lebuhraya Malaysia di alamat <http://ejawatan.llm.gov.my> mulai **20 April 2022 (Rabu)** hingga **3 Mei 2022 (Selasa)**.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada **4 Mei 2022 (Rabu)**.

PERMOHONAN DITOLAK

Permohonan akan ditolak sekiranya:

1. Tidak lengkap;
2. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan; dan
3. Permohonan diterima pada atau selepas tarikh tutup permohonan.

CATATAN AM

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan untuk menghadiri temuduga tidak ditanggung oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.